

# SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Misi perkukuh pasaran sawit di Iran **• MUKA 2**

Pertandingan mekanisasi tawar hadiah AS\$1 juta **• MUKA 3**



Datuk Seri Mah Siew Keong ketika mengumumkan mengenai pelaksanaan MSPO secara mandatori kepada pihak media.

## Pensijilan MSPO mandatori pada 2019

➔ Pengeluaran sawit mampan untuk kebaikan industri jangka panjang

Oleh Fadzil Ghazali  
afadzilg@mprob.gov.my

► Putrajaya

**P**ematuhan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) akan dijadikan mandatori kepada pihak industri sawit negara secara berperingkat bermula akhir tahun hadapan.

Untuk mereka yang telah mematuhi pensijilan Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Mampan (RSPO), pematuhan mandatori MSPO untuk kumpulan ini akan bermula pada 31 Disember 2018. Bagi mereka yang tiada pensijilan MSPO, tarikh pematuhan pensijilan MSPO ditetapkan pada 30 Jun 2019.

Pekebun kecil pula perlu mema-

tuhi pensijilan MSPO menjelang 31 Disember 2019.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata beliau sedar langkah ini agak tegas namun ianya perlu dilaksanakan untuk kebaikan industri bagi jangka masa panjang.

**Standard minyak sawit**

“Keputusan ini bukan mudah. Negara-negara lain terutamanya di Eropah mahu kita melakukan RSPO. Saya rasa adalah mustahil bagi pekebun kecil berbuat demikian. Kita mesti ada standard minyak sawit mampan kita sendiri kerana kita adalah negara pengeluar,” kata beliau di sidang akhbar di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata pihak kementerian ini dalam proses menyediakan

insentif untuk membantu pihak industri sawit Malaysia, khususnya pekebun kecil bagi memenuhi syarat-syarat pensijilan MSPO.

“Kami akan menyediakan insentif kewangan pada Jun tahun ini untuk membantu pensijilan industri. Butiran sedang diusahakan,” tambah beliau.

Pelaksanaan skim MSPO, yang bermula pada 1 Januari 2015 hingga kini adalah secara sukarela. Setakat ini, kawasan seluas 222,778 hektar daripada 5.74 juta hektar kawasan ditanam sawit mempunyai pensijilan MSPO. Kawasan ini diusahakan oleh ladang dan pekebun kecil.

Setakat Disember 2016, enam peratus daripada keluasan ladang sawit dan hanya 0.3 peratus daripada keluasan pekebun kecil yang mempunyai sijil MSPO.

Mah berkata langkah menjadikan pematuhan MSPO secara mandatori bertujuan untuk menaik taraf keseluruhan industri dan ia penting ke arah penjenamaan minyak sawit tempatan sebagai produk yang dihasilkan secara mampan dan selamat.

Pada 2016, nilai eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia ke Negara Kesatuan Eropah (EU) meningkat 4.14 peratus kepada RM10.30 bilion

daripada RM9.89 bilion pada 2015.

**Tambah juru audit**

Pada majlis pertukaran perjanjian teknologi antara MPOB dan Premium Food Corporation Sdn Bhd yang berlangsung di Seri Kemangan pula, Mah telah memberitahu pemberita bahawa kerajaan akan menambah jumlah juru audit untuk pensijilan MSPO sebagai langkah mengurangkan kos untuk memenuhi keperluan pensijilan itu.

“Kita mahu memperbesar jumlah juru audit pensijilan MSPO. Ini akan menjana persaingan hebat untuk mengurangkan kos perkhidmatan di samping meningkatkan kecekapan,” tambah beliau.

Mah berkata beliau telah bertemu dengan beberapa pekebun kecil di empat negeri dan mereka telah menyoal mengenai kebimbangan mengenai keperluan pematuhan pensijilan MSPO secara mandatori menjelang tahun 2019.

“Kami faham dengan kebimbangan mereka. Pihak kementerian akan mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan pekebun kecil dalam masa beberapa bulan ini untuk menjelaskan keperluan mematuhi pensijilan kemampuan sebagai usaha meluaskan pasaran minyak sawit negara,” katanya.



**Kerajaan** melaksanakan pelbagai strategi dan usaha bagi meningkatkan produktiviti sawit yang merangkumi sektor hulu hingga sektor hiliran bagi menjamin kemajuan industri sekali gus memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Bagi sektor hulu, produktiviti ladang diberi keutamaan dalam memastikan penghasilan buah tandan segar berkualiti yang sekali gus mencapai kadar perahan minyak yang setimpal dengan hasil yang dikeluarkan.

Untuk mencapai produktiviti tinggi di sektor ladang, produktiviti pekerja juga harus ditingkatkan melalui penggunaan mesin atau jentera perladangan.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan pihak industri melalui penyelidikan yang dijalankan telah membangunkan pelbagai jentera yang boleh diguna pakai di ladang sawit.

Bagi menjana idea baharu penghasilan jentera perladangan, MPOB menganjurkan Pertandingan Mekanisasi Ladang Sawit Antarabangsa (International Competition on Oil Palm Mechanisation - ICOPM) yang telah dilancarkan pada 22 Februari lalu oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

ICOPM yang dianjurkan kali ketiga sempena sambutan 100 tahun industri sawit negara adalah kesinambungan usaha meningkatkan tahap mekanisasi ladang sawit di Malaysia. ICOPM menawarkan hadiah utama AS\$1 juta kepada pemenang terbaik keseluruhan.

Penyertaan ICOPM yang akan ditutup pada 12 Mei 2017 bertujuan menghasilkan inovasi dan reka cipta yang praktikal, efektif kos dan berdaya maju dalam memantapkan kecekapan operasi ladang sawit.

ICOPM terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu teknologi penuaian, kutipan buah lerai dan pengangkutan/pengalihan buah tandan segar.

Semua pihak dipelawa menyertai ICOPM untuk menghasilkan inovasi jentera sektor perladangan sawit bagi meningkatkan produktiviti dan merealisasikan matlamat kerajaan mengembangkan industri sawit sebagai sektor yang moden, berdaya saing dan mampan.

Maklumat lanjut dan borang penyertaan ICOPM boleh diperolehi melalui [www.mpob.gov.my/ICOPM](http://www.mpob.gov.my/ICOPM).

Dalam menasaskan peningkatan produktiviti sawit, aspek kualiti dan keselamatan produk sawit yang dihasilkan diberi perhatian penting oleh Kerajaan.

Sebagai langkah meningkatkan kualiti minyak sawit dan produk berasaskan sawit, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi juga mengumumkan pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara mandatori oleh penggiat industri sawit yang akan dilaksanakan secara berperingkat bermula akhir tahun 2018.

Datuk Seri Mah menegaskan pensijilan MSPO perlu dilaksanakan untuk kebaikan industri sawit bagi jangka masa panjang.

Pematuhan pensijilan MSPO akan membabitkan semua sektor termasuk pekebun kecil. Menyedari sektor pekebun kecil akan menghadapi kesukaran bagi melaksanakan standard minyak sawit mampan, Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan MPOB kini dalam proses menyediakan insentif untuk membantu pekebun kecil memenuhi syarat-syarat MSPO.

Kementerian dan MPOB akan mengadakan siri perjumpaan dengan pekebun kecil untuk memberi penjelasan mengenai kepentingan pelaksanaan pensijilan MSPO secara mandatori bagi kemajuan sektor sawit negara.

Pelaksanaan pensijilan MSPO bermula pada 1 Januari 2015 adalah secara sukarela.

Daripada 5.74 juta hektar kawasan tanaman sawit, hanya 222,778 hektar yang diusahakan oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil mempunyai pensijilan MSPO. Sehingga Disember 2016, enam peratus daripada keluasan ladang sawit dan hanya 0.3 peratus daripada keluasan tanaman sawit pekebun kecil mempunyai sijil MSPO.

Langkah melaksanakan pematuhan MSPO secara mandatori bertujuan meningkatkan taraf keseluruhan industri sawit dan penting untuk penjenamaan minyak sawit Malaysia sebagai produk yang dihasilkan secara mampan, berkualiti dan selamat.

[kushairi@mpob.gov.my](mailto:kushairi@mpob.gov.my)



**MINDA**  
**Dr Ahmad**  
**Kushairi Din**

**Ketua Pengarah**  
**MPOB**



**Datuk Seri Mah Siew Keong** menunjukkan buku maklumat sawit versi bahasa Parsi yang dilancarkan sempena POTS Iran.

# Misi perkukuh pasaran sawit di Iran

➔ **Delegasi MPIC** diketuai Datuk Seri Mah Siew Keong bagi perluas pasaran komoditi Malaysia

**Oleh Hisamuddin Mohamad Aspar**  
[hispar@mpob.gov.my](mailto:hispar@mpob.gov.my)

► **Tehran**

**M**isi Ekonomi dan Teknikal Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) ke Iran yang diketuai oleh Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong ke Iran adalah bertujuan memperkukuhkan pasaran sawit dan komoditi kayu-kayan serta getah keluaran Malaysia di negara tersebut.

Misi disertai oleh agensi utama di bawah MPIC iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (MRB), Majlis Kayu Kayan Malaysia (MTC) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

Iran adalah antara negara pasaran minyak sawit Malaysia yang penting di rantau Asia Barat. Pada 2016 negara berkenaan telah mengimport 453,172 tan minyak sawit dan produk minyak sawit dari Malaysia dengan nilai dagangan lebih dari RM1,356 bilion, meningkat 24.6 peratus berbanding

dengan nilai dagangan tahun sebelumnya.

Objektif utama misi ke Iran adalah untuk meningkatkan hubungan perdagangan di antara kedua-dua negara dari aspek perdagangan komoditi minyak sawit, kayu kayan dan getah dan melaksanakan program berkaitan komoditi utama negara dengan tujuan untuk mengembangkan pasaran di Iran.

### Pertukaran maklumat

Misi itu turut menggalakkan pertukaran maklumat berkaitan komoditi minyak dan lemak, kayu-kayan dan getah di antara Malaysia dan Iran. Ia juga mampu membuka peluang untuk pelabur-pelabur Malaysia melabur di dalam sektor berkaitan di Iran.

Yang turut serta dalam misi berkenaan ialah Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M. Na-

garan; Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din, Pengerusi MPOC, Datuk Lee Yeow Chor.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan semasa misi adalah penganjuran Pameran dan Seminar Perdagangan Minyak Sawit (POTS), sesi dialog di antara Datuk Seri Mah dengan pihak industri kayu-kayan dan getah Iran, perbincangan di antara beliau dengan rakan sejawatnya dan juga perasmian pejabat MPOB Tehran di Iran.

POTS diadakan pada 6 Februari 2017 dihadiri oleh lebih dari 300 peserta dari kalangan industri minyak dan lemak tempatan, wakil agensi kerajaan, ahli akademik dan pakar penyelidik tempatan. Seminar turut dihadiri 100 peserta industri minyak sawit Malaysia yang berminat untuk mengembangkan pasaran produk mereka di Iran dan negara-negara berhampiran. Pameran POTS Iran 2017 turut disertai 17 syarikat tempatan dan syarikat minyak sawit Malaysia.

Dalam misi yang sama, Datuk Seri Mah telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan rakan-rakan sejawatnya dari Kementerian Pertanian Iran, Kementerian Komunikasi dan Teknologi Maklumat Iran, Pengerusi Parlimen Suruhanjaya Kesihatan Iran dan Kementerian Industri, Galian dan Perdagangan Iran.

Antara perkara yang dibincangkan semasa pertemuan adalah menyentuh isu perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Iran terutamanya berkaitan isu dagangan minyak sawit, kayu-kayan dan getah.

**Fakta**  
**nombor**

**453,172 TAN**

Jumlah import minyak sawit Malaysia oleh Iran pada 2016



# Pertandingan mekanisasi tawar hadiah AS\$1 juta

➔ ICOPM 3 bertujuan cari inovasi praktikal, efektif kos, berdaya maju

Oleh Fadzil Ghazali  
afadzilg@mpob.gov.my

Putrajaya

**P**ertandingan Mekanisasi Ladang Sawit Antarabangsa (ICOPM), anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menawarkan AS\$1 juta sebagai hadiah utama kepada pemenang terbaik keseluruhan.

ICOPM yang dianjurkan sejak 2014, muncul untuk kali ketiga pada tahun ini sebagai kesinambungan usaha meningkatkan tahap mekanisasi ladang sawit di

Malaysia. ICOPM 3 dianjurkan sempena sambutan 100 tahun industri sawit Malaysia tahun ini.

Pelancaran ICOPM 3 diumumkan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, pada sidang akhbar yang diadakan di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur dan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M Nagarajan.

ICOPM merupakan satu cabaran kepada pencipta inovasi dan teknologi seluruh dunia untuk menghasilkan jentera yang boleh digunakan di ladang sawit untuk meningkatkan produktiviti pekerja. Ianya menyanggah komitmen MPOB dalam membentuk industri sawit sebagai satu sektor yang hijau, moden dan mampan.

Mah berkata ICOPM 3 menawarkan hadiah tunai sehingga

AS\$1.3 juta, termasuk hadiah utama untuk pemenang keseluruhan bernilai AS\$1 juta tunai.

Pengumuman ICOPM 3 oleh Mah pada 22 Februari 2017 menandakan pertandingan itu dibuka untuk penyertaan. Peserta boleh menyertai pertandingan ini secara individu, berpasukan atau wakil syarikat.

## Tingkat kesedaran

Walaupun belum ada pemenang selepas berlangsungnya ICOPM 1 dan ICOPM 2, pertandingan inovasi ini berjaya meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemain industri akan pentingnya teknologi, terutama dalam mekanisasi untuk meningkatkan status industri sawit negara ke tahap baru.

ICOPM 3 bertujuan untuk mencari inovasi yang praktikal, efektif kos dan berdaya maju dalam memantapkan operasi ladang di sektor sawit.

Ia dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu teknologi pe-



Datuk Seri Mah Siew Keong pada sidang media di Putrajaya, baru-baru ini

nuaian, kutipan buah leri dan pengangkutan/pemindahan buah tandan segar (BTS).

Di bawah kategori teknologi penuaian, peserta dikehendaki menghasilkan alat yang mampu menuai BTS secara efisien dan efektif daripada pokok pelbagai ketinggian antara tiga hingga 15 meter. Hadiah tunai untuk kategori ini adalah AS\$25,000 (Pertama); AS\$15,000 (Kedua), dan AS\$10,000 untuk tempat ketiga.

Hadiah untuk kategori teknologi kutipan buah leri juga dalam format yang sama.

Tempat pertama mendapat hadiah tunai AS\$25,000, kedua (AS\$15,000) dan ketiga akan membawa pulang AS\$10,000

## Cipta alat

Peserta kategori ini perlu mencipta alat atau mesin yang dapat mengutip buah leri sawit di permukaan tanah pada kadar 1 kg seminit dengan kandungan sampah kurang daripada 10 peratus. Hasil ciptaan juga perlu mampu berfungsi atas

pelbagai keadaan muka bumi.

Di bawah kategori teknologi pemindahan BTS, peserta dikehendaki mencipta jentera berkemampuan mengangkut BTS daripada ladang ke tempat memungut di tepi jalan atau platform pungutan. Juara kategori ini akan mendapat AS\$25,000 tunai manakala tempat kedua akan mendapat AS\$15,000 Pemenang tempat ketiga dihadiahkan AS\$10,000 tunai.

Di samping hadiah lumayan tadi, hadiah utama bernilai AS\$1 juta akan diberi kepada pemenang keseluruhan yang menghasilkan satu ciptaan yang dapat meningkatkan produktiviti pekerja berdasarkan penilaian selama satu tahun dalam operasi.

Tarikh tutup ICOPM 3 telah ditetapkan pada 12 Mei 2017. Proses penilaian inovasi dan ciptaan peserta akan bermula selepas ini. Pemenang ICOPM 3 akan diumumkan pada majlis Kongres dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa MPOB 2017 (PIPOC 2017) pada 14 November 2017.

## MPOB beroperasi semula di Iran

Oleh Hisamuddin Mohamad Aspar  
hispar@mpob.gov.my

Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong pada 7 Februari lalu.

## Tingkat pasaran minyak sawit

Yang turut hadir, Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M. Nagarajan, dan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din.

Dalam ucapan perasmianya, Datuk Seri Mah berharap dengan pembukaan semula pejabat MPOB akan meningkatkan pasaran minyak sawit Malaysia ke negara itu.

"Saya percaya dengan pembukaan semula Pejabat MPOB di Iran akan membuka lembaran baharu pasaran minyak di Iran dan juga negara serantaunya, dan menjadi penanda aras baharu kepada MPOB khususnya dan industri minyak sawit Malaysia amnya", katanya.

**Tehran:** Bagi meningkatkan lagi pasaran minyak dan produk minyak sawit Malaysia di Iran dan negara berhampiran, MPOB mengambil inisiatif membuka semula pejabat serantaunya di sini, baru-baru ini.

Pejabat Serantau MPOB di Iran dibuka pertama kalinya pada tahun 2001 dan telah berjaya meningkatkan pasaran minyak sawit Malaysia ke Iran. Walau bagaimanapun pejabat tersebut ditutup pada 2008 berikutan sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas negara tersebut.

Pembukaan semula pejabat Serantau MPOB Tehran yang ditempatkan di Bangunan Kedutaan Besar Malaysia di Shahrake Qods dirasmikan Menteri Perusahaan

**100 ANNIVERSARY**  
MALAYSIAN PALM OIL INDUSTRY 1917-2017

**ICOPM**  
INTERNATIONAL COMPETITION ON OIL PALM MECHANISATION

**USD 1,000,000 Grand Prize**

**Plus USD 130,000 other prizes**

**ELIGIBILITY**  
Individual, team, companies, National and International

**ENTRIES OPEN NOW**  
Closing Date  
**12 May 2017**

**CATEGORIES :**

- ★ Harvesting
- ★ Loose Fruit Collection
- ★ Fresh Fruit Bunch Evacuation

**ENQUIRIES**

Tel : +603-89201504  
Fax : +603-89261852  
Email : icopm@mpob.gov.my

Contact persons:  
Abd Rahim Shuib  
Mohd Ramdhan Mohd Khalid

Entry forms are available at :  
[www.mpob.gov.my/ICOPM](http://www.mpob.gov.my/ICOPM)

Like and follow us on

Malaysian Palm Oil Board | mpob\_tweets | Malaysian Palm Oil Board | mpob.gov.my



# Malaysia, India tingkat dagangan sawit

➔ Perbincangan meja bulat diadakan dalam usaha mantap pasaran minyak sawit Malaysia

Oleh **Dr. Nagendran Balasundram**  
nagen@mpob.gov.my

► **Mumbai**

**M**enteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong mengetuai delegasi misi minyak sawit Malaysia ke Mumbai pada awal Februari lalu dalam usaha mempromosi dan meningkatkan dagangan minyak sawit Malaysia ke India.

Turut serta dalam lawatan rasmi berkenaan ialah Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M. Nagarajan; Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dato' Lee Yeow Chor; Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Dr. Ka-

lyana Sundram.

Pada lawatan berkenaan, Datuk Seri Mah mengadakan perjumpaan meja bulat dengan pihak Solvent Extractors Association (SEA) of India, bagi membincangkan usaha untuk memantapkan pasaran minyak sawit Malaysia ke India.

Datuk Seri Mah turut merasmikan Seminar Rangkaian Minyak Sawit (Palm Oil Networking Seminar) anjuran MPOC dan turut melancarkan buku bertajuk Palm Oil Health Facts terbitan MPOB yang diterjemahkan ke dalam bahasa Hindi.

## Beri penjelasan

Buku berkenaan yang mengandungi 16 fakta adalah bertujuan memberi penjelasan kepada pembaca berkaitan dengan khasiat pemakanan minyak sawit.

Seminar rangkaian minyak sawit yang dihadiri oleh 200 peserta melibatkan pembentangan berkaitan potensi penggunaan minyak sawit dalam lemak pejal di India, cabaran yang dihadapi oleh minyak sawit, impak perkembangan perundangan India ke atas minyak sayuran dan kemajuan pasaran minyak sayuran di India daripada pakar dalam bidang berkaitan dari kedua-dua negara.

Jumlah dagangan Malaysia ke India bagi tempoh Januari - November 2016, bernilai RM44.18 bilion. Jumlah eksport Malaysia bernilai RM29.24 bilion dan daripada jumlah ini, produk komoditi menyumbang RM9.57 bilion (32.7% jumlah eksport).



**Datuk Seri Mah Siew Keong melancarkan** buku terbitan MPOB berkaitan fakta dan khasiat sawit yang diterjemah kepada bahasa Hindi.

# Santan Sawit PLUS akan dikomersialkan

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**  
watie@mpob.gov.my

**Seri Kembangan:** Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian bagi pengkomersialan produk Santan Sawit PLUS di antara MPOB dengan syarikat Premium Food Corporation Sdn Bhd (PFC) di sini, baru-baru ini.

Majlis pertukaran dokumen itu diadakan sempena lawatan beliau ke syarikat pengeluar santan sawit yang dihasilkan melalui teknologi yang dibangunkan oleh MPOB.

MPOB diwakili Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr. Lim Weng Soon, manakala PFC diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Zainal Bachik.

Datuk Seri Mah berkata, pengeluaran produk santan sawit akan meningkatkan penggunaan minyak sawit khususnya dalam penghasilan produk makanan.

"Santan Sawit Plus adalah formulasi santan sawit terbaharu yang dihasilkan oleh penyelidikan MPOB bagi pengeluaran produk santan sawit berkualiti tinggi.

Katanya, teknologi dan formu-

lasi produk makanan termasuk Santan Sawit Plus yang dihasilkan oleh penyelidikan MPOB membuka peluang kepada syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan dan usahawan bumiputera bagi menceburi perniagaan dalam sektor sawit.

## Santan Sawit Plus

"Santan Sawit Plus mempunyai potensi pasaran yang luas dalam dan luar negara serta pulangan pelaburan dalam tempoh yang singkat iaitu selama dua tahun.

Katanya, hampir 90 peratus penggunaan minyak sawit adalah bagi penghasilan produk makanan seperti minyak masak, marjerin, pembuatan coklat, santan dan lain-lain.

"Penghasilan santan daripada minyak sawit diperkenalkan sebagai pilihan kepada penggunaan santan kelapa. Produk santan sawit sesuai digunakan bagi masakan dan penyediaan makanan seperti masakan kari, pencuci mulut (desserts) dan cendol yang sedap dan berkhasiat.

Katanya juga, formulasi produk Santan Sawit Plus mempunyai keistimewaan dan kelebihan dari segi tempoh penyimpanan pada suhu bilik lebih 10 bulan berbanding tem-



**Datuk Seri Mah Siew Keong menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian** di antara MPOB dan Premium Food Corporation bagi pengkomersialan Santan Sawit Plus.

poh satu bulan bagi produk santan sawit biasa selain mengekalkan rasa yang enak dan berkhasiat.

"Dengan tempoh penyimpanan yang lebih lama, Santan Sawit Plus lebih efektif kos berbanding santan sawit biasa. Di samping itu, Santan

Sawit Plus diperkaya dengan kandungan vitamin E semula jadi terutamanya tokotrienol," katanya.

Santan sawit kaya dengan khasiat pemakanan seperti vitamin E dan stabil pada suhu bilik iaitu 27 darjah Celcius.

Teknologi santan sawit telah dipaten di Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand dan sudah berjaya mendapat pengiktirafan dan kejayaan dalam pertandingan inovasi dan teknologi dalam dan luar negara.



# Hello Sawit sebar maklumat kepada warga Jasin

➔ Program menarik minat lebih 2,000 pengunjung

Oleh Mohd Saufi Awang  
saufi@mpob.gov.my

Jasin

**H**ello Sawit Jasin mendapat sambutan menggalakkan dengan hampir 2,000 pengunjung terdiri daripada pekebun kecil dan masyarakat setempat kawasan Parlimen Jasin.

Penganjuran Hello Sawit oleh MPOB menyediakan peluang kepada masyarakat setempat mendapatkan maklumat terkini mengenai industri sawit, teknologi penanaman sawit dan maklumat bantuan kerajaan yang ditawarkan kepada pekebun kecil serta maklumat mengenai kegunaan dan keistimewaan produk sawit.

Berucap semasa merasmikan Hello Sawit Jasin, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Idris Haron berkata, kejayaan Malaysia memajukan perusahaan sawit dan pencapaian dalam bidang penyelidikan yang diterajui MPOB men-

jadi contoh kepada negara membangun lain bagi mempelajari pengalaman dan kepakaran Malaysia dalam pembangunan industri sawit.

Katanya, walaupun tanaman sawit berasal dari benua Afrika, Malaysia telah menempa nama dalam industri sawit global sebagai antara negara pengeluar dan pengeksport utama minyak sawit dunia.

“Dengan potensi pulangan ekonomi yang lebih baik, tanaman sawit telah menjadi pilihan pekebun kecil dan pengusaha ladang di seluruh negara yang menyumbang peningkatan kawasan tanaman sawit negara yang mencecah 5.74 juta hektar, katanya.

“Kemajuan sektor sawit sebagai komoditi pertanian utama negara telah menajanya pendapatan eksport negara, menyediakan peluang ekonomi kepada pengusaha ladang dan pekebun kecil dan menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk dalam sektor hulu hingga hiliran berasaskan minyak sawit.

## Tingkat produktiviti

Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah dalam ucapan aluannya berkata, sejajar matlamat pembangunan industri sawit yang mampan dan berdaya saing, MPOB sentiasa mempertingkatkan perkhidmatan kepada pihak industri dan pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Katanya bagi meningkatkan pe-



Datuk Seri Utama Idris Haron (dua dari kanan) merasmikan Hello Sawit Jasin.

nguasaan pasaran minyak sawit Malaysia, Kerajaan akan menetapkan pelaksanaan pensijilan sawit mampan MSPO kepada semua ladang sawit menjelang tahun 2018 dan kawasan yang diusahakan pekebun kecil menjelang tahun 2019.

Katanya, Pegawai TUNAS yang berada di kawasan pekebun kecil berperanan menyediakan khidmat nasihat penanaman sawit mengikut Amalan Pertanian Baik dan amalan teknologi baharu bagi pengeluaran minyak sawit mampan dan peningkatan produktiviti pengeluaran hasil buah tandan segar.

MPOB juga berperanan menyalurkan bantuan yang disediakan ke-

rajaan kepada pekebun kecil seperti bantuan tanam semula dan tanam baharu, bantuan integrasi tanaman dan ternakan bersama tanaman sawit.

Penganjuran aktiviti Hello Sawit seperti Pertandingan Memasak, Pertandingan Gubahan Sawit, Pertunjukan Tatarias menguna produk kosmetik sawit dan pameran memberi pendedahan berguna kepada pengunjung mengenai kegunaan dan keistimewaan produk berasaskan sawit.

Sempena sambutan 100 tahun penanaman sawit secara komersial, MPOB dengan kerjasama Merlimau Riders Club menganjurkan

Hello Sawit Challenge Jamboree yang disertai lebih 800 peserta berbasikal melalui ladang sawit yang memberi pendedahan kepada peserta termasuk luar negara kehijauan ladang sawit.

Turut hadir majlis perasmian Hello Sawit Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di bawah Parlimen Jasin iaitu ADUN Merlimau, Datuk Roslan Datuk Haji Ahmad; ADUN Rim, Datuk Wira Ghazale Muhamad; ADUN Serkam, Datuk Zaidi Atan; ADUN Bemban, Datuk Ng Choon Koon; Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Pegawai Daerah Jasin, Zamrud Yahya.

## Ahli Parlimen Eropah sanjung pengeluaran sawit mampan Malaysia

Oleh Fadzil Ghazali  
afadzilg@mpob.gov.my

**Bangi:** Ahli Parlimen Eropah (MEPs) yang mengadakan lawatan ke Malaysia baru-baru ini ini memuji usaha Malaysia dalam membangunkan industri sawit secara mampan.

Delegasi tujuh MEP yang diketuai oleh Dr Barbara Kappel menyertai program anjuran MPOB bagi mengenali industri sawit Malaysia.

Mereka dibawa melawat pusat pemuliharaan Orang Utan di Sepilok, Sabah; ladang sawit milik Ahli Kelab 30 Tan MPOB di Beluran, Sabah; dan menghadiri beberapa sesi dialog bersama menteri, periklis syarikat dan pegawai kanan kerajaan yang berkaitan dengan industri sawit.

Semasa di Sandakan, Sabah, delegasi MEP berpeluang bersama Timbalan Menteri Perusahaan Per-

ladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur di satu sesi makan malam dan dialog. Pada sesi ini, ketua delegasi MEP menceritakan tentang usul mengaitkan industri sawit dengan pelbagai kemusnahan alam yang akan dibentangkan di Parlimen EU pada April ini.

Beliau mahu melihat Malaysia dan Indonesia mempamerkan tahap kesungguhan yang lebih tinggi dalam mematahkan usaha menjadikan usul ini satu resolusi kerana beliau faham betapa pentingnya industri sawit untuk negara membangun seperti Malaysia dan Indonesia.

“Sekiranya ia menjadi satu resolusi, produk sawit akan menerima layanan negatif di EU. Bantu kami untuk membantu anda,” katanya.

Datuk Datu Nasrun Datu Mansur memberi penjelasan kepada delegasi MEP mengenai penubuhan Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) oleh Malaysia dan



Datuk Seri Mah Siew Keong bersama Ahli Parlimen Eropah yang mengadakan pertemuan dengan beliau sempena kunjungan ke Malaysia.

Indonesia pada tahun 2015 dan bagaimana majlis ini akan berusaha meningkatkan kesedaran dunia terhadap kepentingan dan pembangunan industri sawit.

## Delegasi MEP lawat UP

Delegasi MEP turut berpeluang melawat United Plantations Berhad (UP) di Teluk Intan, Perak. Mereka disambut Timbalan Pengerusi dan Ketua Pengarah Eksekutif UP, Datuk Carl Bek Nielsen yang

turut memberi taklimat mengenai operasi UP dan pembangunan industri sawit dunia kepada pelawat daripada EU itu.

Carl menekankan kepentingan industri sawit sebagai pembekal minyak masak dan lelemak kepada dunia memandangkan sawit merupakan tanaman paling efisien dalam menghasilkan komoditi berkenaan.

Beliau turut memberitahu bahawa industri ternakan lembu

membawa lebih kemudahan kepada bumi berikutan penghasilan karbon dioksida serta penggunaan kawasan yang luas namun ianya tidak menjadi bahan kempen badan bukan kerajaan terutamanya daripada Eropah.

Delegasi MEP juga berkunjung ke ibu pejabat MPOB di sini untuk sesi dialog bersama pengurusan kanan MPOB. Sesi ini dipengerusikan oleh Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah.



# Biak baka asas kemajuan industri sawit negara

➔ Baka Tenera ditanam secara meluas di Malaysia

Oleh Mohd Saufi Awang  
sauri@mpob.gov.my

Industri sawit negara melakar sejarah dengan sambutan 100 tahun penanaman sawit secara komersial pada 18 Mei 1917 di Ladang Tennamaram, Sime Darby Plantations di Bestari Jaya, Selangor.

Pada tahun 1917, pengusaha ladang bangsa Perancis, Henry Fouconnier menanam sawit secara komersial di Ladang Tennamaram di tempat dahulunya dikenali Batang Berjuntai, Kuala Selangor. Sejak penanaman pertama secara komersial, penanaman sawit terus berkembang pesat khususnya pada dekad 60an dan selepasnya yang melonjakkan Malaysia sebagai negara pengeluar dan pengeksport utama minyak sawit dunia.

100 tahun selepas diusahakan secara penanaman komersial, keluasan kawasan penanaman sawit di seluruh negara mencecah 5.74 juta hektar. Pokok kelapa sawit atau nama saintifik *Elaeis guineensis* berasal dari benua Afrika secara khususnya dari Guinea.

*Elaeis* dari perkataan greek iaitu *elaion* bermaksud minyak. Pokok sawit hidup subur di negara asal dan ditanam secara meluas di kawasan garisan khatulistiwa yang menerima sinaran matahari dan curahan hujan sepanjang tahun meliputi negara-negara Afrika, Amerika Selatan, Selatan Pasifik dan Asia Tenggara.

Penglibatan pengusaha ladang dan sektor perladangan mengusaha tanaman sawit secara komersial mencetuskan fenomena perkembangan penanaman sawit yang seterusnya menyumbang kepada perkembangan perusahaan sawit negara.

Pada tahun 1925, keluasan tanaman sawit ialah 384 hektar dan meningkat kepada 31,000 hektar pada tahun 1940an.

Menjelang tahun 1960an, keluasan ta-

naman sawit negara mencecah 60,000 hektar.

Penubuhan Felda pada tahun 1956 dan agensi pembangunan tanah pertanian kerajaan persekutuan dan negeri yang mengusahakan penanaman sawit melibatkan penyertaan peneroka dan pekebun kecil atau secara perladangan telah menyumbang peningkatan kawasan tanaman sawit pada dekad selanjutnya.

## Kepesatan penanaman sawit

Penggubalan dasar pembangunan tanah pertanian bagi penanaman sawit dan strategi mempelbagaikan tanaman untuk tidak bergantung kepada getah telah membawa kepesatan penanaman sawit.

Keluasan kawasan tanaman sawit meningkat dengan ketara pada tahun 1970an dan era selepasnya.

Penglibatan pekebun kecil mengusahakan penanaman sawit sama ada di bawah kelolaan agensi kerajaan atau mengusahakan secara persendirian menyumbang sebanyak 40 peratus keluasan kawasan tanaman sawit negara yang sekali gus meningkatkan taraf hidup dan sosio-ekonomi penduduk luar bandar.

Sejarah penanaman sawit di Malaysia dan Indonesia bermula dengan empat biji benih sawit, dua dibawa daripada Amsterdam Botanical Garden dan dua biji benih dari Reunion Island yang kemudiannya ditanam di Bogor Botanical Garden, Indonesia pada tahun 1848.

Benih sawit yang berasal dari induk yang sama seterusnya dibawa ke Singapura yang ditanam di Botanical Garden pada 1870an dan seterusnya ke Tanah Melayu pada 1875 yang bermula sebagai tanaman hiasan.

Baka sawit dari Sumatera yang dikenali Deli Dura dibawa ke Malaysia oleh pengusaha ladang sekitar tahun 1911 dan 1912 ditanam di Rantau Panjang, Kuala Selangor.

Baka dari pokok sawit yang ditanam di Kuala Selangor seterusnya ditanam secara komersial pada tahun 1917 di Ladang Tennamaram.

Pokok sawit dari baka Deli Dura telah melalui proses biak baka dari pokok induk dengan baka sawit yang dibawa dari Afrika.

Sebahagian besar tanaman sawit di Ma-

laysia menggunakan baka Tenera iaitu kacukan pokok Dura (induk betina) dan Pisifera (pokok jantan) atau dikenali DxP.

Baka sawit Tenera mempunyai ciri-ciri induknya iaitu Dura mempunyai sabut atau mesokarpa yang tinggi kandungan minyak dan baka Pisifera yang mengandungi minyak isirung sawit yang tinggi.

Penglibatan Jabatan Pertanian dan pengusaha ladang di peringkat awal penanaman sawit telah menghasilkan bahan tanaman sawit yang ditanam di kawasan baru diteroka.

Jabatan Pertanian adalah antara perintis yang menanam sawit di beberapa tempat termasuk di Batu Tiga, Selangor dan di taman awam sekitar Kuala Lumpur.

Jabatan Pertanian di Serdang menjalankan usaha pengumpulan dan pengeluaran bahan tanaman sawit seawal tahun 1920an.

Bermula tahun 1930an, syarikat perladangan seperti Elmina Estate, Guthrie, Sofin, Jenderata Estate, United Plantations Berhad, Harrison and Crossfield terlibat menjalankan kajian biak baka bagi menghasilkan benih sawit.

Ini disusuli oleh syarikat-syarikat perladangan yang ditubuh pada tahun 1950 dan selepasnya yang mengeluarkan baka sawit untuk keperluan penanaman di ladang secara komersial.

Penglibatan agensi kerajaan yang dimulakan oleh Jabatan Pertanian dan seterusnya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang ditubuhkan pada tahun 1973 telah menjalankan kajian biak baka tanaman sawit.

Penubuhan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) pada tahun 1979 yang dipertanggungjawab bagi meningkatkan penyelidikan kelapa sawit telah menghasilkan bahan tanaman sawit termasuk dari proses kultur tisu dan baka klon yang berhasil tinggi.

Penyelidikan biak baka oleh PORIM meliputi ekspedisi ke negara Afrika dan Amerika Selatan telah berjaya mengumpulkan baka sawit terbaik yang ditempatkan di Bank Gen, Stesen Penyelidikan MPOB Kuala Lumpur.

## Penuhi keperluan industri sawit

Kajian biak baka sawit melalui kacukan

baka terpilih dari negara asal menghasilkan baka sawit bagi memenuhi keperluan dalam industri sawit.

MPOB telah menghasilkan 12 jenis baka sawit yang dikenali PS Siri iaitu PS1 hingga PS12 yang mempunyai ciri-ciri seperti pokok renek, kandungan minyak sawit dan minyak isirung yang tinggi, minyak lebih cair, kandungan karotena tinggi, kandungan Vitamin E, tangkai panjang dan pokok sawit tahan rintangan penyakit yang ditawarkan kepada

pihak industri untuk penanaman secara komersial.

Penyelidikan MPOB dalam bidang bioteknologi menghasilkan bahan tanaman sawit kultur tisu dan Genom yang menghasilkan penemuan bahan tanaman sawit unggul yang sedia diguna pakai oleh pengusaha ladang dan pekebun kecil.

MPOB juga mengadakan kerjasama dengan syarikat perladangan bagi kajian panjang dan pokok sawit tahan rintangan penyakit yang ditawarkan kepada

proses kultur tisu dan menawarkan pokok sawit induk (mother palm) bagi pengeluaran anak benih sawit berkualiti.

Penyelidikan biak baka sawit oleh agensi penyelidikan bersama penglibatan syarikat perladangan di peringkat awal perkembangan penanaman sawit dan dekad-dekad seterusnya menyediakan asas dan landasan kukuh bagi pengeluaran baka sawit dan bahan tanaman unggul yang menyumbang kepada kemajuan industri sawit negara.



Malaysian Palm Oil Board

## 23<sup>RD</sup> MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR AND EXHIBITION

# 2017

**Tuesday, 11 July 2017**  
MPOB Head Office, Bangi

To be officiated by  
YB Datuk Seri Mah Siew Keong  
Minister of Plantation Industries and  
Commodities

HIGHLIGHTS

Technologies and services offered:

- > Plantation
- > Biotechnology
- > Milling and processing
- > Oleochemical
- > Food Technology

**REGISTER NOW!**

Launch of the new technologies and services

Exhibition on new products and services

ENQUIRIES

Rubaah Masri  
03-8769 4567  
rubaah@mpob.gov.my

Salmah Hussin  
03-8769 4873  
salmah@mpob.gov.my



Malaysian Palm Oil Board  
6, Persiaran Institusi Bangi  
43000, Kajang, Selangor  
www.mpob.gov.my



100<sup>TH</sup>  
ANNIVERSARY  
MALAYSIAN PALM OIL INDUSTRY 1917-2017



Industri sawit berkembang pesat selepas pembukaan ladang pertama di Kuala Selangor.




INTERNATIONAL PALM OIL  
PIPOC 2017  
CONGRESS AND EXHIBITION

## TREASURING THE PAST CHARTING THE FUTURE

**14-16 NOVEMBER 2017**  
Kuala Lumpur Convention Centre,  
Kuala Lumpur, Malaysia

Book your place now to make sure  
you will be one of them in 2017!

For more information, please contact:  
**pipoc2017@mpob.gov.my**  
or visit MPOB website at **www.mpob.gov.my**



THE  
PREMIERE  
OIL PALM  
EVENT  
IS BACK!



# Koperasi tingkat produktiviti, pendapatan pekebun kecil

➔ Langkah galak pekebun kecil menyumbang kepada kemajuan sawit

Oleh Nazirah Che Jaafar  
nazirah@mpob.gov.my

► Kuala Kangsar

**K**operasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) yang dianggotai oleh pekebun kecil sawit adalah sebahagian usaha bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil.

Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datin Mastura Tan Sri Mohd Yazid berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat agung pertama KPSM Kuala Kangsar Berhad di sini, baru-baru ini.

Katanya, penubuhan KPSM di Kuala Kangsar ini adalah hasrat Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad



**Datin Mastura Tan Sri Mohd Yazid ketika merasmikan Mesyuarat Agung Permulaan Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Kuala Kangsar Berhad.**

agar pekebun kecil sawit di sekitar Kuala Kangsar dapat disatukan untuk kebaikan bersama.

“Dengan jumlah 827 pekebun kecil di Kuala Kangsar dan keluasan tanaman sawit lebih 2,500 hektar, penubuhan koperasi adalah sebagai langkah penyatuan sejajar dengan usaha meningkatkan pro-

duktiviti dan kualiti buah sawit pekebun kecil.

“Selain itu, penyertaan pekebun kecil dalam koperasi adalah penting ke arah pensijilan minyak sawit mampan,” katanya.

Katanya, melalui pendekatan koperasi, pekebun kecil akan dibimbing mengenai penggunaan tek-

nologi dan amalan pengurusan kebun yang betul dan sistematik.

“Pembabitian pekebun kecil dalam pengeluaran minyak sawit mampan juga akan menyumbang kepada peningkatan daya saing dan keupayaan industri sawit bagi memenuhi permintaan minyak sawit mampan di pasa-

ran antarabangsa.

Katanya juga, penubuhan koperasi merupakan langkah strategik kerajaan bagi menjamin pekebun kecil terlibat dalam arus perdana perniagaan dan keusahawanan.

## Satukan pekebun setempat

“Secara khusus koperasi bertujuan menyatukan pekebun kecil setempat dan menjalankan aktiviti berkaitan sawit untuk kepentingan bersama.

Katanya, jualan buah tandan segar melalui koperasi memberi kesan positif peningkatan harga jualan dan memberi pulangan terbaik kepada pekebun kecil

Beliau menyeru agar pekebun kecil di Daerah Kuala Kangsar dapat melibatkan diri dalam KPSM. Penyertaan pekebun kecil dalam gerakan koperasi akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan serta kemajuan industri sawit negara dalam jangka masa panjang.

Yang turut hadir pada majlis itu, ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Manong, Dato’ Mohamad Kamil Dato’ Safie dan Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan MPOB, Dr Ramle Moslim.

# Inovasi MPOB diiktiraf MTE 2017

Oleh Syed Mohd Hazry  
Syed Hamid  
moh.hazry@mpob.gov.my

**Kuala Lumpur:** Inovasi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) muncul sebagai pemenang pelbagai anugerah di Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2017 yang diadakan dari 16-18 Februari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

MPOB berjaya meraih Anugerah Khas kategori Recepta Terbaik dan pingat emas bagi inovasi bertajuk ‘Sprayer for Young Palm’ oleh Abdul Razak Jelani dari Bahagian Penyelidikan Biologi.

Pingat emas turut diraih oleh inovasi bertajuk ‘Production of Bio-Compressed Natural Gas (BIO-CNG) From Biogas of Palm Oil Effluent (POME)’ oleh Nasrin Abu Bakar dari Bahagian Kejuruteraan dan Pemprosesan, manakala enam lagi teknologi menerima pingat gangsa.

Inovasi ‘sprayer for young palm’ direka untuk menyembur racun

herba untuk pokok kelapa sawit muda. Mesin ini mampu menghadkan semburan di bawah kanopi pelepah yang akan mengurangkan kecederaan kepada pelepah akibat semburan. Kaedah semasa racun herba menyembur kelapa sawit muda adalah dengan ‘knapsack sprayer’ (sama ada manual atau bermotor).

Teknik ‘knapsack sprayer’ bukan sahaja lambat tetapi lebih buruk apabila semburan yang terhasil boleh merosakkan pelepah dan tidak elok untuk perkembangan pokok sawit.

## Hasilkan biogas asli

Inovasi ‘Production of Bio-Compressed Natural Gas (BIO-CNG) From Biogas of Palm Oil Effluent (POME)’ adalah teknologi yang dibangunkan oleh MPOB dengan Fel-da Palm Industries Sdn. Bhd. dan Sime Darby Offshore Engineering Sdn Bhd, untuk menghasilkan biogas asli (BIO-CNG) daripada kolam efluen minyak sawit (POME). Teknologi ini menyediakan peluang ke-



**Pegawai penyelidik MPOB yang berjaya meraih anugerah di MTE 2017.**

pada pihak industri untuk menajana pendapatan melalui sektor bekalan tenaga mesra alam.

Enam inovasi yang memperoleh pingat gangsa ialah ‘Controlling goose grass (Eleusine indica) using formulated Phoma herbarum powder’ oleh Dr Mohd Hefni Rusli adalah bagi mengawal rumput Eleusine indica dengan pengguna serbuk herbarum Phoma. Teknologi ini boleh menjadi satu kaedah yang mesra alam dan pendekatan

pengurusan rumput bersepadu.

Inovasi ‘Powder formulation of Pycnoporus GanoBF2 for degradation of oil palm tissues for controlling Ganoderma disease’ oleh Yuvarani Naidu adalah teknologi mesra alam dan efektif kos bagi mengawal penyakit Ganoderma daripada menjangkiti tisu pokok sawit. Ia adalah cara yang mampan untuk mempercepatkan proses kitar semula sisa dan menambah nutrien kepada tanah.

Teknologi lain yang turut memperoleh pingat gangsa ialah ‘Simultaneous Green Production of Prebiotic Xylooligosaccharides and High Value Cellulose from Oil Palm Biomass’ oleh Noorshamsiana Abdul Wahab; ‘Phytosterols mix from palm oil refinery by-product as functional food ingredients’ Nor Faizah Jalani; ‘Oil Palm Harvesting Aid (JiTu)’ dan ‘Application of Traction Aid for Transporter on Peat’ oleh Abdul Razak Jelani.



# MPOB kongsi khasiat sawit di Pakistan

➔ Seminar bantu mahasiswa Jinnah Universiti fahami industri sawit Malaysia

Oleh Hisham Hussain, (hishamhussain@mpob.gov.my) dan Mohamad Fairus Mohd Hidzir (fairus@mpob.gov.my)

➔ Karachi, Pakistan

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan MPOB Seminar Teknikal (MTecS) di Jinnah Universiti Karachi pada Februari lalu bagi pendedahan dan perkongsian berkaitan khasiat sawit.

Seminar teknikal bertemakan 'Minyak Sawit dalam Aspek Kesihatan dan Penyakit' diadakan dengan usaha sama MPOB melalui pihak Kedutaan Malaysia di Pakistan bersama universiti berkenaan.

Seminar berjaya menarik minat lebih 400 pelajar dan pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Makanan universiti yang ditubuhkan khas untuk wanita.

Seminar teknikal yang mempromosi industri sawit Malaysia dirasmikan oleh Konsul Jeneral Malaysia di Karachi, Tuan Ismail Mohamad Bkri.

Majlis turut dihadiri Pengerusi Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Jinnah Universiti, Dr Rasheeda Ali, Pengurus Serantau MPOB Asia Barat dan Tengah, Mohamad Fairus Mohd Hidzir, dan tiga pegawai MPOB.

## Penerangan terperinci

Ketika berucap merasmikan seminar berkenaan, Ismail berkata penganjuran seminar menerangkan lebih terperinci mengenai industri sawit Malaysia, khasiat pemakanan dan aplikasi minyak sawit di Pakistan sebagai inisiatif memupuk kesedaran kepentingan khasiat pemakanan dan penggunaan minyak sawit dalam kalangan generasi muda di Pakistan.

"Produk berasaskan sawit Ma-

laysia adalah antara produk komoditi utama yang dieksport dan adalah menjadi keutamaan pihak kami untuk memastikan semua produk menepati piawaian kualiti dan aspek keselamatan ditetapkan.

"Ini adalah teras utama Kerajaan Malaysia melalui MPOB dalam memastikan sistem kualiti makanan dilaksanakan dalam setiap proses rantaian makanan dalam industri sawit.

Katanya, aktiviti yang meliputi sektor hulu dan hiliran sawit, pengeluaran, pengangkutan dan perkhidmatan melibatkan aktiviti terancang hasil daripada kerjasama pihak yang terlibat dalam industri sawit.

"MPOB akan terus komited dalam memastikan segala aspek kualiti dan keselamatan adalah dipatuhi melalui aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D), penguatkuasaan dan undang-undang yang dilaksanakan dan seterusnya memastikan ia bersesuaian dengan kehendak pengguna minyak masak di Pakistan", kata beliau.

Dr Rasheeda Ali, Pengerusi Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Jinnah Universiti dalam ucapan beliau menyatakan bahawa penganjuran seminar seperti ini akan membantu pelajar memahami maklumat teknikal mengenai khasiat pemakanan minyak sawit di samping membantu memahami bagaimana menggunakan minyak sawit terutama dalam aktiviti penggorengan dengan cara betul.

Beliau juga menekankan minyak sawit merah produk yang baik dalam membekalkan Vitamin A dalam diet pemakanan. Ini menunjukkan minyak sawit serba guna dalam pelbagai aspek penggunaan dan khasiat pemakanan.

Sementara itu, Pengurus Serantau MPOB Asia Barat dan Tengah, Mohamad Fairus Mohd Hidzir, semasa membentangkan kertas kerjanya menyatakan bahawa seminar seumpama ini dapat mempergiatkan usaha oleh kerajaan Malaysia dalam mempromosikan minyak sawit yang mempunyai khasiat pemakanan yang baik dan sesuai digunakan oleh setiap peringkat umur di Pakistan.

Beliau menegaskan bahawa usaha ini dapat meningkatkan lagi pengetahuan para pelajar mengenai penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di Malaysia dan seluruh dunia yang melibatkan khasiat pemakanan dan aplikasi makanan yang berasaskan minyak sawit dimana aktiviti R&D yang dijalankan oleh MPOB mendapat pengiktirafan dunia.

## Tekan aspek teknikal

MTecS di Jinnah Universiti kali ini menekankan aspek teknikal minyak sawit yang meliputi pengenalan kepada MPOB dan industri sawit, faedah khasiat pemakanan minyak sawit, aspek pasaran dan kelebihan tekno-ekonomi minyak sawit dan juga aplikasi dalam industri penggorengan makanan berasaskan minyak sawit.

Penganjuran seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan terutamanya di kalangan generasi muda berkenaan industri sawit Malaysia secara amnya dan faedah minyak sawit dari perspektif khasiat pemakanan dan penggunaannya.



Eldeen Husaini Mohd Hashim (tengah) ketika perasmian Seminar Minyak Sawit di ICT Mumbai.

## Seminar perjelas kepada mahasiswa India khasiat, aplikasi sawit

Oleh Dr Nagendran Bala Sundram nagen@mpob.gov.my

**Mumbai:** Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan Kerjasama Institut Teknologi Kimia (ICT) Mumbai dan disokong oleh Persatuan Sainstis dan Taknologis Makanan India-Mumbai (AFST(I)), menganjurkan Seminar Minyak Sawit bagi memperjelas maklumat berkaitan aspek pemakanan dan aplikasi komoditi itu.

Seminar yang dihadiri 120 peserta terdiri pelajar ICT dalam bidang Kejuruteraan & Teknologi Makanan; Teknologi

Minyak, Oleokimia dan Surfaktan dan Kejuruteraan Kimia dirasmikan oleh Konsul Jeneral Malaysia di Mumbai, Eldeen Husaini Mohd Hashim. Yang turut hadir, Naib Canselor ICT, Prof Dr G D Yadav.

## Tiga pembentangan teknikal sawit

Sebanyak tiga pembentangan teknikal berkaitan sawit disampaikan oleh pakar dan saintis dalam bidang sawit yang merangkumi pengenalan dan aplikasi minyak sawit oleh Pengurus Serantau MPOB (Asia Selatan), Dr Nagendran Bala Sundram; produk nilai tambah sawit oleh U

R Unnithan dari SumWin Solutions Malaysia dan Dr Pramod Khosla dari Wayne State University, Detroit, Amerika Syarikat membentangkan berkaitan aspek pemakanan dan kesihatan sawit.

Tujuan seminar adalah untuk memberikan penjelasan berkaitan pelbagai aspek penting minyak sawit kepada kumpulan sasaran, iaitu pelajar pusat pengajian tinggi untuk lebih memahami berkaitan minyak sawit dan dapat menggunakan pengetahuan secara efektif apabila bekerja dalam industri pemprosesan makanan di India kelak.

## KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML) SESI APRIL 2017

**KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML)**

- Kursus ini diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk Kursus Operasi Mekanisasi Ladang Sawit Tahap 2, 3 dan 4
- Bertujuan untuk melahirkan generasi baru yang berkemahiran tinggi dalam bidang mekanisasi ladang selaras dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan modal insan negara

**OBJEKTIF**

- Memberi pendedahan kepada pelatih dari segi teori serta penekanan yang lebih kepada aspek praktikal berkenaan mekanisasi di ladang sawit.
- Bermatlamat untuk melahirkan warga kerja yang cekap dan terlatih.

**SYARAT KEMASUKAN**

- Warganegara Malaysia
- Berumur 17 hingga 55 tahun
- Tamat SPM/SPMV atau setaraf dengannya atau mempunyai pengalaman bekerja di sektor perladangan /penjenteraan ladang sawit.

**YURAN**

- RM3500. Kemudahan bantuan kewangan boleh diuruskan bagi mereka yang layak

**JANGKA MASA KURSUS**

- Tahap 2: 6 Bulan
- Tahap 3: 12 Bulan
- Tahap 4: 18 Bulan

**LOKASI**

KM 137, Lebuh Raya Segamat, Kuantan  
Peti Surat No.24, Pejabat Pos Bandar Tun Razak,  
26900 Bandar Muadzam Shah, Pahang

**CARA MEMOHON**

- Pemohonan hendaklah menggunakan borang yang dimuat turun dari laman web MPOB ([www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my))
- Sertakan bersama satu salinan kad pengenalan pemohon, salinan sijil SPM/SPM(V) atau yang setaraf yang telah disahkan atau surat pengesahan majikan bagi mereka yang berkenaan

**TEMUDUGA TERBUKA UNTUK SESI APRIL 2017:**

- MPOB Kluang, Johor - 7 Mac 2017
- MPOB Hulu Paka, Terengganu - 7 Mac 2017
- Pejabat KESEDAR Gua Musang, Kelantan - 7 Mac 2017
- MPOB Keningau, Sabah - 6 Mac 2017
- MPOB Beluran, Sabah - 8 Mac 2017
- MPOB Tawau, Sabah - 9 Mac 2017
- PLASMA MPOB Keratong - 14 Mac 2017

Masa temuduga : 8.30pagi - 12.30 tengahari

**MAKLUMAT LANJUT DAN PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:**

MOHD SOLAH DERAMAN [solah@mpob.gov.my](mailto:solah@mpob.gov.my)  
SITI BALQIS JAAFAR [balqis@mpob.gov.my](mailto:balqis@mpob.gov.my)  
Tel: 09-451 4400 samb. 4402/4401 Faks: 09-4514405



# Pertandingan fotografi sempena 100 tahun industri sawit Malaysia

Tahun 2017 genapkan 100 tahun industri minyak sawit Malaysia

**S**ejjarah bermula dengan penanaman pertama pokok sawit secara komersial di ladang Tennamaram, Batang Berjuntai (kini dikenali sebagai Bestari Jaya) oleh seorang berbangsa Perancis, Henri Fauconier. Hari ini, Malaysia telah berjaya memajukan industri sawit agar terus berkembang pesat, dan memungkinkan ramai golongan miskin luar bandar menjadi penanam kecil dan menaikkan taraf



kehidupan mereka.

Bersesuaian dengan kedudukan penting minyak sawit sebagai komoditi negara, pelbagai aktiviti telah diatur bagi menyambut ulang tahun tersebut.

Sambutan telah pun bermula dengan pelancaran logo dan dua pertandingan iaitu 100th Anniversary Malaysian Palm Oil Online Contest dan World Palm Portraits Photography Competition 2017 oleh Menteri Perusahaan

Perladangan, dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong semasa perasmian kecil (soft launch) pada 10 Januari 2017.

## Tahun kelima pertandingan

World Palm Portraits Photography Competition adalah pertandingan fotografi yang kini memasuki tahun kelima. Pertandingan ini kian dikenali bukan sahaja di rantau Asia tetapi juga di negara-negara Barat, dan telah mempunyai pengikutnya tersendiri.

Menariknya tahun ini, bersempena dengan sambutan ulang tahun industri minyak sawit, tema yang dipilih adalah "This is Malaysian Palm Oil" atau "Inilah Minyak Sawit Malaysia".

Tema ini mengangkat status minyak sawit Malaysia yang menjadi pilihan pengilang makanan, chef dan tukang masak, serta suri rumah disebabkan ciri-ciri positif seperti bebas lemak trans dan kolesterol, dan tiada GMO.

Peserta dari kalangan profesional dan amatir adalah dijemput untuk menyertai dengan tawaran hadiah lumayan berjumlah keseluruhan AS\$10,000.

Untuk membolehkan jurugambar dari negara-negara yang tidak mempunyai akses kepada ladang sawit atau minyak sawit, turut menghantar gambar, kategori Still Life & Photo Manipulation diperkenalkan.

## Empat kategori

Ini adalah satu daripada empat kategori di mana kategori-kategori yang lain adalah People & Portraits, Nature & Wildlife, dan Black & White.

Gambar-gambar bakal diadili oleh Shamshahrin Shamsudin, bekas jurugambar European Press, Che' Ahmad Azhar, penyarah Multimedia University, dan Belvinder Sron, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC. Ini berdasarkan subjek, komposisi, imbalan warna dan maksud yang dibawa.

Pertandingan ini akan tamat pada 30 Jun 2017 dan pengumuman pemenang akan diadakan semasa Palm Oil Leadership Award Dinner 2017.

Untuk tujuan pendaftaran sebagai peserta dan bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari [www.worldpalmporraits.org](http://www.worldpalmporraits.org). Serentak dengan berlangsungnya pertandingan ini, para peserta juga dijemput untuk menyertai 100th Anniversary Malaysian Palm Oil Online Contest dengan melayari [www.mpo100years.org](http://www.mpo100years.org).

## WORLD PALM PORTRAITS PHOTOGRAPHY COMPETITION 2017



Gambar : Muhammad Heza Zainudin, Malaysia



JUMLAH KESELURUHAN HADIAH BERNILAI

**10,000.00 USD**

TARIKH TUTUP

**30 Jun 2017**

[www.worldpalmporraits.org](http://www.worldpalmporraits.org)





# Sumbangan industri sawit sepanjang 100 tahun

Pada tahun 1848 orang Belanda membawa kelapa sawit ke Indonesia yang kemudiannya ke Singapura dan Tanah Melayu.

Kelapa sawit datang ke Tanah Melayu melalui Taman Botani Singapura sebagai tanaman hiasan M.A. Hallet menanam pokok kelapa sawit Deli untuk pengeluaran komersial di Sumatera.

Kemuadian M.H. Fauconier menanam pokok kelapa sawit Deli di Rantau Panjang, Selangor. Pada tahun 1917 bermulalah penanaman kelapa sawit secara komersial di Estet Tennamaram, Kuala Selangor. Seterusnya di Estet Elinina, Kuala Selangor.

Industri sawit Malaysia bermula pada tahun 1917 apabila Ladang Tennamaram di Kuala Selangor ditanam dengan benih dura Deli dari Rantau Panjang.

Apabila pewarisan bentuk buah difahami, penanaman komersial beralih daripada bahan dura kepada kacukan dura x pisifera (DxP).

Kacukan DxP menghasilkan buah tenera. Penanaman ladang yang menggunakan bahan DxP berlaku secara mendadak pada awal dekad 1960-an apabila Felda membuka tanah rancangan secara besar-besaran.

Program pembiakan di Malaysia dan Indonesia sejak dekad 1920an terhadap baka dari Deli untuk tujuan komersial telah menjadikannya seragam dan bermutu tinggi. Bahan ini kemudiannya dikenali sebagai dura Deli.

Pengeluaran biji benih DxP berpandukan kepada piawai Malaysia MS157:1997, iaitu biji benih kelapa sawit untuk penanaman komersial. Hanya DxP bermutu dikeluarkan dan dipasarkan kepada pengguna. Kawalan mutu tinggi dipasti-



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

**Puteri Na'ilah Mohd Nor**  
SMA Syubbaniah  
Batu Kurau, Perak

peratus pengeluaran minyak makan tahunan telah dieksport, menjadikan hasil sawit punca pendapatan tukaran wang asing yang penting untuk negara ini, serta tonggak ekonomi negara.

Nilai pelaburan terkini dalam industri minyak sawit Malaysia dianggarkan sekitar RM62 bilion dengan sejumlah besar pembiayaan ini diperoleh dalam negeri.

Peningkatan secara meluas penanaman sawit ini membara pembangunan yang amat diperlukan di kawasan luar bandar dan telah menjadi tulang belakang ekonomi luar bandar.

Seramai 290,000 pekebun kecil di skim tanah kerajaan serta pekebun kecil persendirian, bergantung sepenuhnya kepada tanaman ini untuk kehidupan harian mereka.

Hasil pendapatan daripada sawit membawa kesan penting dalam mengekalkan kestabilan sosio-ekonomi golongan ini.

Mungkin anda tidak menyangka bahawa 80% daripada minyak sawit yang dihasilkan di Malaysia digunakan sebagai bahan makanan. Bagaimana dengan sejumlah 20% lagi? Selebihnya untuk kegunaan dalam pembuatan produk bukan makanan.

Pembangunan dalam industri kelapa sawit amat memberangsangkan dengan penekanan diberikan kepada penyelidikan bagi menghasilkan kaedah baru dalam teknologi penanaman, penghasilan benih yang berkualiti dan penghasilan produk-produk baru berasaskan kelapa sawit.

Sebagai rakyat Malaysia, kita wajar mensyukuri dan mempromosi negara ke tahap yang sepatutnya, agar dapat terus kukuh dan berdaya saing di arena antarabangsa.

# 100 tahun industri sawit, pencapaian dan sumbangan membanggakan Malaysia

100 tahun merupakan satu jangka masa yang agak lama untuk sesebuah industri bertahan.

Membangun sebagai salah satu industri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan sekali gus melonjakkan nama negara sebagai salah satu negara pengeluar minyak sawit di persada dunia.

Industri sawit di Malaysia amat sinonim sebagai penyumbang yang terbesar dalam pencambahan ekonomi negara dengan nilai eksport saban hari menunjukkan keputusan yang positif serta menerusi pencapaian dan sumbangan industri kepada negara.

Hal ini kerana, terdapat onak duri yang perlu dihindari untuk mengekalkan pencapaian yang sedia ada.

Antara permasalahan yang timbul mengenai isu industri sawit negara adalah penerimaan produk yang berasaskan sawit boleh menyebabkan masalah kesihatan.

Selain itu, isu alam sekitar juga disuarakan sebagai kesan daripada industri sawit negara. Isu ini mendapat perhatian Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong dan respon yang diberikan bahawa industri minyak sawit Malaysia adalah tertakluk kepada 60 peraturan yang meliputi spektrum luas undang-undang seperti keselamatan makanan, alam sekitar, tenaga kerja dan



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM**

**Mohamad Nur Hafiz Sabudin**  
Kluang, Johor

banyak lagi.

Oleh hal yang dimikian, bukan senang untuk menempa nama dalam industri. Pelbagai tujahan dan permasalahan yang perlu dihadapi bagi mengekalkan momentum pencapaian dan sumbangan untuk negara.

Pada tahun ini, 2017, merupakan ulang tahun ke 100 tahun industri sawit sejak penanaman pertama secara komersial di Ladang Tennamaram, Kuala Selangor pada 1917.

Minyak sawit kini diiktiraf sebagai salah satu sumber minyak sayuran paling produktif dengan menembusi pasaran dunia, malah memenuhi sebahagian daripada keperluan makanan global.

'Minyak Sawit Malaysia, Kebanggaan dan Pencapaian Kita' merupakan tema untuk Sambutan 100 Tahun Industri Sawit

Malaysia. Industri sawit banyak memberikan hasil ke arah peningkatan ekonomi dan pertumbuhan sumber pendapatan penanaman sawit, khususnya pekebun kecil. Hal ini selaras dengan misi menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir satu juta orang meliputi sektor hulu hingga hiliran.

Di samping itu juga, industri minyak sawit banyak juga menyumbang dalam industri makanan.

Menerusi penglibatan industri minyak sawit dalam pembuatan makanan dapat menghasilkan produk-produk makanan yang berkualiti, sihat dan selamat digunakan, contohnya minyak masakan.

Terdapat banyak kebaikan minyak sawit yang digunakan sebagai minyak masak dalam masakan berbanding dengan minyak sayuran lain di pasaran. Antaranya ialah bebas koletsrol dan sesuai digunakan untuk menggoreng pada suhu yang tinggi.

Terdapat banyak lagi pencapaian dan sumbangan industri minyak sawit kepada negara. 100 tahun industri sawit Malaysia membuktikan bahawa bukan senang untuk memastikan kemampuan industri sawit negara, pelbagai rintangan dan tujahan yang telah dilalui.

Menerusi penyelidikan yang dilakukan, serta komitmen yang diberikan oleh pelbagai pihak membuatkan industri sawit negara terus utuh di seantero dunia.

## PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN MAC 2017

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

**Kategori 1:**  
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)  
**Tajuk:** "Teknologi mekanisasi tingkat produktiviti, tambah pendapatan. Bincangkan".

**Kategori 2:** Awam  
**Tajuk:** "Pengkomersialan teknologi bantu rancakkan kemajuan industri sawit negara. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;  
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**  
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**  
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan APRIL 2017 akan datang.

## Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Februari 2017

**PEMENANG KATEGORI 1**  
Pelajar Sekolah Menengah

**Hadiah Pertama**  
Puteri Na'ilah Mohd Nor  
SMA Syubbaniah  
Batu Kurau, Perak

**Hadiah Kedua**  
Nurul Safiyah Mohd Fauzi  
Maahad Pengajian Islam  
Kota Bharu, Kelantan

**Hadiah Ketiga**  
Nor Athirah Mt Isa  
SMA Syubbaniah  
Batu Kurau, Perak

**PEMENANG KATEGORI 2**  
Awam

**Hadiah Pertama**  
Mohamad Nur Hafiz Sabudin  
Kluang, Johor

**Hadiah Kedua**  
Rokiah Mat Daud  
Kg. Seberang Tepoh,  
Terengganu

**Hadiah Ketiga**  
Zulazreen Abd Samad  
Batu Pahat,  
Johor

## Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas
- ◎ Bukan kakitangan MPOB
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Februari 2017
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:  
**Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB**  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor  
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)





**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong** mendengar penerangan mengenai penghasilan produk santan sawit ketika mengadakan lawatan ke kilang Premium Food Corporation Sdn Bhd di Seri Kembangan, Selangor.



**Datuk Seri Mah Siew Keong berucap merasmikan pembukaan** semula Pejabat MPOB di Tehran, Iran. Yang turut hadir, Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.



**Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ir Idris Haron menyertai demonstrasi** memasak menggunakan produk sawit sempena program Hello Sawit yang diadakan di Melaka. Yang turut hadir Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Ahmad Kushairi Din.



**Ahli Parlimen Eropah diiringi oleh Datuk Seri Ahmad Hamzah** mengadakan lawatan ke ladang United Plantations Bhd di Teluk Intan, Perak sempena kunjungan ke Malaysia bagi mengenali dan mendapatkan maklumat berkaitan industri sawit negara.



**Ketua Pengarah Lembaga Lada Malaysia (LLM), Dr Harry Entebang** ketika melawat Galeri Sawit. Beliau diiringi Timbalan Ketua Pengarah (R&D) MPOB, Dr. Lim Weng Soon sepanjang lawatan di Ibu Pejabat MPOB.